



Untuk Terbitan Media

13 Mei 2024

SIARAN MEDIA

BALU PENYELIA MAUT JATUH KREN TERIMA FAEDAH PERKESO

ALERT: WARIS TERIMA FAEDAH BULANAN LEBIH RM2,500 SEPANJANG HAYAT

NIBONG TEBAL – Balu kepada penyelia kren yang maut ketika menyelenggara *ladle crane* pada 5 Mei lalu layak menerima dua Faedah daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Menurut Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, isteri mendiang Komlah a/p Arumugam, 49 tahun layak menerima faedah berkenaan selepas semakan oleh pihak PERKESO mendapati suaminya merupakan pencarum aktif bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) sejak 1991.

"Mendiang Muniandy a/l Subramaniam, 51 tahun disahkan meninggal dunia akibat terjatuh daripada kren dengan ketinggian 20 meter ketika melakukan kerja penyelenggaraan sekitar jam 1.10 tengah hari, dan akibat kejadian itu waris beliau layak menerima Faedah menerusi Skim Bencana Pekerjaan.

"Hasil penelitian pihak PERKESO ketiga-tiga anak mendiang telah melepassi umur 21 tahun lantaran itu hanya balu mendiang layak menerima Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM2000.00 secara sekali bayar serta Faedah Orang Tanggungan bulanan berjumlah RM2,673.00 untuk sepanjang hayat beliau," ujar beliau.

Steven Sim juga memaklumkan, selain pemberian Faedah kepada balu, PERKESO juga akan membantu anak sulung mendiang Gajeswari, 27 tahun mendapatkan pekerjaan melalui platform portal pekerjaan negara MYFutureJobs yang bersesuaian selepas beliau mengambil keputusan untuk berhenti kerja di Kuala Lumpur demi menjaga ibunya.

Program Ziarah Prihatin turut dihadiri oleh Pengarah PERKESO Negeri Pulau Pinang, Rafidah Abdul Rahim, Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesejahteraan Pekerja Pulau Pinang, Hairozie Asri bersama Skuad PERKESO Prihatin.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan 'leaves no one behind'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

13 Mei 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-619 3181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my